

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 04/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 43

Tajuk : Rebut Peluang Buka Stesen Minyak



"Perolehan pendapatan menerusi perniagaan stesen minyak dan aktiviti sampingan seperti kedai runcit di stesen itu memberi pulangan pendapatan kepada koperasi serta kemudahan kepada pengguna."

ABDUL FATTAH ABDULLAH

## Rebut peluang buka stesen minyak

**MARAN 3 Mei** - Sebanyak 87 koperasi di luar bandar membuka perniagaan stesen minyak yang menjana perolehan tahunan sebanyak RM60.3 juta kepada gerakan berkenaan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sehubungan itu koperasi di kawasan pedalaman dan luar bandar perlu mengambil peluang perniagaan stesen minyak yang berpotensi meningkatkan pendapatan mereka.

Beliau memberikan contoh penglibatan Koperasi Guru-guru Melayu Pahang Selatan (Segumpa) yang membuka stesen minyak dan memperoleh pendapatan tinggi.

"Perolehan pendapatan menerusi perniagaan stesen minyak dan aktiviti sampingan seperti kedai runcit di stesen itu memberi pulangan pendapatan kepada koperasi serta kemudahan kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas maj-

lis perasmian Stesen Minyak Smart Stream Felda Jengka 19 yang disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, di sini semalam.

Menurut Abdul Fattah, terdapat aktiviti lain di stesen minyak yang menjana pendapatan seperti kedai serbaneka, kafeteria, mesin pengeluaran wang automatik (ATM), perkhidmatan cuci kenderaan dan pengedaran minyak pelincir.

"Stesen minyak Smart Stream seperti di Felda Jengka 19 ini boleh dijadikan model pemacu aktiviti keusahawanan dan sosioekonomi masyarakat luar bandar melalui penglibatan koperasi.

"Koperasi luar bandar seharusnya mengambil kesempatan daripada jalinan perniagaan strategik dengan Petronas yang membuka peluang baharu kepada masyarakat luar bandar menikmati kemudahan seperti yang dinikmati di bandar," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA